# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

26 APRIL 2019
JUMAAT

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
| --- | --- | --- |
| HARIAN METRO | TAUKE SINGAPURA KENA DAKWA | 2 |
| SINAR HARIAN | PENGARAH WARGA SINGAPURA DIDAKWA | 3 |



# HARIAN METRO

26/4/19 – Harian Metro

**Kereta dulu putih kini hitam**

**Kota Bharu:** Pemilik kereta Honda Civic EK9 terkejut apabila kenderaan miliknya yang dicuri selama 11 hari selepas dilarikan dari sebuah apartmen di Sri Cemerlang di sini, bertukar wajah daripada putih kepada hitam. Pemilik kenderaan itu, Mohd Faizal Mat Saman, 29, berkata, kereta miliknya yang diletakkan di tempat parkir apartmen itu dipercayai dilarikan antara jam 3 hingga 4 pagi pada 13 April lalu.

HARIAN METRO

Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@hmetro.com.my

FOTO: ZAIN AHMED



ANGGOTA polis mengiringi Sim di pekarangan mahkamah.

# Tauke Singapura kena dakwa

■ *Pengarah syarikat mengaku tidak bersalah lupus buangan minyak di Sungai Kim Kim*

**Johor Bahru**

Pengarah syarikat kilang memproses tayar terpakai warga Singapura mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan bersubahat melakukan pelupusan buangan minyak di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, bulan lalu.

Sim Wei Der, 50, membuat pengakuan itu selepas jurubahasa mahkamah membacakan pertuduhan terhadapnya di hadapan Hakim Jailani Rahman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Sim didakwa bersubahat dengan tiga tertuduh yang didakwa sebelum ini iaitu pemandu lori, N Maridass, 35, serta dua pengarah bersama, Yap Yoke Liang, 42, dan Wang Jing Chao, 34, yang juga warga Singapura melupuskan buangan minyak atau enap cemar berminyak ke dalam Sungai Kim Kim.

Perbuatan itu didakwa dilakukan berhampiran kawasan tapak projek pelebaran jambatan Sungai Kim Kim, Jalan Kota Masai 1, Pasir Gudang di sini, antara jam 12.01 tengah malam hingga 1 pagi, 7 Mac lalu, menggunakan lori dan semi treler tangki minyak sawit tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Bagi perbuatan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 34B(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, dibaca bersama Seksyen 42 akta sama dan boleh dihukum mengikut Seksyen 34B(4) akta sama.

Tertuduh berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM500,000 jika sabit kesalahan.

Pendakwaan yang dijalankan Pengarah Pendakwaan Negeri Johor, Amir Nasruddin dan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Syafiq Mohd Ghazali tidak bercadang menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh atas alasan pertuduhan dihadapi adalah serius apabila ramai orang terkesan akibat percemaran yang berlaku terutama pelajar sekolah.

Bagaimanapun, peguam yang mewakili tertuduh, Joshua Tay membantah dengan alasan seorang lagi pengarah syarikat yang juga warga Singapura dan dituduh sebelum dibenarkan ikat jamin oleh Mahkamah Tinggi di sini.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM250,000 dengan dua orang penjamin warga tempatan serta syarat tambahan, perlu melapor diri di Balai Polis Pasir Gudang setiap 15 hari bulan setiap bulan sehingga perbicaraan selesai.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 23 Mei depan.




LAPORAN Harian Metro 8 Mac lalu.

**»INFO**

- ***Mahkamah benar tertuduh diikat jamin RM250,000 dengan dua penjamin warga tempatan***
- ***Syarat tambahan, tertuduh perlu melapor diri di Balai Polis Pasir Gudang setiap 15 hari bulan setiap bulan sehingga perbicaraan selesai***
- ***Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 23 Mei depan***



# SINAR HARIAN

26/4/19.
Jumaat Sinar Harian.



## Pengarah warga Singapura didakwa



Wei Der dibawa ke Mahkamah Sesyen di Johor Bahru, semalam bagi mendengar pertuduhan kes membuang sisa kimia ke sungai.

**PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM**

**JOHOR BAHRU** - Seorang pengarah syarikat warga Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan bersubahat melakukan pelupusan buangan minyak di Sungai Kim Kim pada bulan lalu.

Sim Wei Der, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus jurubahasa mahkamah membacakan pertuduhan terhadapnya di hadapan Hakim Jailani Rahman.

Dia didakwa bersubahat dengan pemandu lori, N Maridass, 35, serta dua pengarah, Yap Yoke Liang, 42, dan Wang Jing Chao, 34, yang juga warga Singapura untuk melupuskan buangan minyak atau enap cemar berminyak ke Sungai Kim Kim.

Kesalahan itu dilakukan dengan menggunakan lori jenis Mitsubishi dan semi-treler tangki minyak sawit tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

Kesalahan dilakukan di kawasan tapak projek pelebaran jambatan Sungai Kim Kim, Jalan Kota Masai 1, Pasir Gudang antara jam 12.01 tengah malam hingga 1 pagi, pada 7 Mac lalu.

Wei Der didakwa mengikut Seksyen 34B (1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dibaca bersama dengan Seksyen 42 akta yang sama dan boleh dihukum di bawah Seksyen 34B(4) Akta yang sama.

Dia berdepan hukuman penjara maksimum lima tahun dan denda hingga RM500,000 jika sabit kesalahan

Mahkamah kemudian membenarkan Wei Der diikat jamin RM250,000 dengan dua orang penjamin warga tempatan dan perlu melapor diri di Balai Polis Pasir Gudang pada setiap 15 hari bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 23 Mei ini.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan seorang pengarah syarikat yang dikehendaki berhubung kes pencemaran Sungai Kim Kim menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam.

